



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENDIDIKAN POLITIK DI MALAYSIA DAN KOREA SELATAN: SUATU PERBANDINGAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2022**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENDIDIKAN POLITIK DI MALAYSIA DAN KOREA SELATAN: SUATU PERBANDINGAN

NUR HAZIRAH BINTI SUDIN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PROJEK TAHUN AKHIR INI DIKEMUKAKAN SEBAGAI KEPERLUAN

MEMENUHI SYARAT PENGANUGERAHAN IJAZAH SARJANA MUDA

PENGAJIAN MALAYSIA DENGAN PENDIDIKAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa penulisan ilmiah ini adalah hasil karya saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

.....

(NUR HAZIRAH BINTI SUDIN)



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGHARGAAN

Terlebih dahulu, saya ingin memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah S. W. T kerana dengan limpah kurnia-Nya telah memberikan saya ilham dan kelapangan sehingga saya dapat menyiapkan penulisan ilmiah bagi projek tahun akhir ini dengan jayanya.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Siti Noranizahhafizah binti Boyman, selaku pensyarah penyelia saya atas kesabaran, sokongan, nasihat dan tunjuk ajar yang diberikan sepanjang tempoh penyelidikan yang telah saya jalankan.

Ribuan terima kasih juga saya ucapkan kepada ahli keluarga saya terutamanya kepada ibu saya yang saya kasihi iaitu Wan Mariam binti Mohd. Noor yang sentiasa memberi sokongan moral kepada saya dalam menyempurnakan projek tahun akhir ini.

Tidak dilupakan juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak memberi idea dan pandangan dalam membantu saya untuk menyiapkan penulisan ilmiah ini. Akhir kata, terima kasih juga kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan cadangan dan bantuan kepada saya.

Sekian, terima kasih.





ABSTRAK

Hasil PRN Johor yang pertama kalinya membenarkan pengundi berusia 18 tahun mengundi, telah mendapat banyak maklum balas terhadap keperluan pendidikan politik kepada pengundi baharu kerana Undi 18 gagal memberi kesan ketara terhadap hasil pengundian di Johor. Pelaksanaan Undi 18 perlu disertakan dengan pendidikan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan kesediaan anak muda untuk terlibat dengan demokrasi. Maka, kajian ini melihat perlunya pendidikan Politik untuk diterapkan dalam pendidikan persekolahan Malaysia dengan melihat kesesuaian pendidikan Politik di Korea Selatan untuk diaplikasikan di Malaysia. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dan kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah analisis kandungan. Hasil kajian mendapati bahawa Pendidikan politik di Malaysia telah diintegrasikan menerusi pendidikan tahap sekolah, pendidikan tahap universiti dan menerusi program. Pendidikan tahap sekolah merupakan pendidikan Sejarah, Sivik dan Pengajian Am. Pendidikan tahap universiti pula ialah Hubungan Etnik, Kenegaraan Malaysia, Falsafah dan Isu Semasa, serta kursus Pengajian Malaysia. Manakala, pendidikan politik berbentuk program yang dapat dikenalpasti ialah PLKN. Pendidikan politik di Korea Selatan juga dapat dikenal pasti menerusi pendidikan tahap sekolah, pendidikan tahap universiti dan pendidikan berbentuk program. Pendidikan politik tahap sekolah di Korea Selatan yang telah dikenal pasti ialah Pendidikan Kewarganegaraan Global. Pendidikan politik tahap universiti pula ialah Kursus Rasmi Badan Pengurusan Pilihan Raya Asing (EMB). Pendidikan politik menerusi program yang dapat dikenal pasti pula ialah pendidikan politik berdasarkan program Kerahan Tenaga Khidmat Tentera. Pendidikan politik di Korea Selatan dilihat sebagai model dalam melihat kesesuaiannya untuk diaplikasikan di Malaysia menerusi aspek kandungan pembelajaran dan dasar kerajaan. Hasil kajian yang dilakukan oleh pengkaji dapat memberi sumbangan dari segi sumber rujukan sedia ada berkaitan pendidikan politik, membandingkan dapatan yang diperolehi, menjadi bahan bacaan bagi pelajar atau guru-guru, dan memberi sumbangan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dalam menilai kembali dasar dan matlamat pendidikan negara agar selari dengan sistem politik di Malaysia.

Kata kunci: Pendidikan Politik, Malaysia, Korea Selatan, Demokrasi, Undi 18.





ABSTRACT

The results of the Johor PRN, which allowed 18-year-old voters to vote for the first time, have received a lot of feedback on the need for political education for new voters because the Undi 18 failed to have a significant impact on the voting results in Johor. The implementation of Undi 18 should be accompanied by education aimed at increasing the awareness and willingness of young people to engage in democracy. Therefore, this study looks at the necessity of Political education to be applied in Malaysian school education by looking at the suitability of Political education in South Korea to be applied in Malaysia. This study is a qualitative study and the method used in this study is the content analysis method. The results of the study found that political education in Malaysia has been integrated through school level education, university level education and through programs. School level education is History, Civics and General Studies. University level education is Ethnic Relations, Malaysian Nationality, Philosophy and Current Issues, as well as Malaysian Studies courses. Meanwhile, political education in the form of a program that can be identified as PLKN. Political education in South Korea can also be identified through school-level education, university-level education and program-based education. School-level political education in South Korea has been identified as Global Citizenship Education. Political education at the university level is the Official Course of the Foreign Election Management Body (EMB). Political education through a program that can be identified is political education based on the Military Service Manpower Recruitment program. Political education in South Korea is seen as a model in seeing its suitability to be applied in Malaysia through aspects of learning content and government policy. The results of the study conducted by the researcher can contribute in terms of existing reference sources related to political education, compare the findings obtained, become reading material for students or teachers, and contribute to the Malaysian Ministry of Education in reassessing the national education policy and goals in order to be in line with the political system in Malaysia.

Keywords: Political Education, Malaysia, South Korea, Democracy, Undi 18.





ISI KANDUNGAN

PERKARA	HALAMAN
PERAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
ISI KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv

BAB 1: PENDAHULUAN



1.0		
1.1	Perkembangan Demokrasi di Malaysia	1
1.2	Pernyertaan Politik di Malaysia	5
1.3	Isu-isu Politik di Malaysia	8
1.4	Penyertaan Masalah	14
1.5	Persoalan Kajian	20
1.6	Objektif Kajian	20
1.7	Kerangka Konseptual	20
1.8	Kepentingan Kajian	21
1.9	Batasan Kajian	22
1.10	Definisi Istilah	23
	1.10.1 Demokrasi	23
	1.10.2 Politik	23
	1.10.3 Belia	24
	1.10.4 Warganegara	24
1.11	Organisasi Bab	24





1.12 Rumusan	26
--------------	----

BAB 2: SOROTAN KAJIAN LEPAS

2.0 Pengenalan	27
2.1 Pendidikan Politik di Malaysia	28
2.1.1 Pendidikan Politik Tahap Sekolah di Malaysia	28
2.1.1.1 Pendidikan Sejarah	28
2.1.1.2 Pendidikan Sivik	31
2.1.1.3 Pengajian Am	33
2.1.2 Pendidikan Politik Tahap Universiti di Malaysia	35
2.1.2.1 Kursus Hubungan Etnik	36
2.1.2.2 Kursus Pengajian Malaysia	38
2.1.2.3 Kursus Kenegaraan Malaysia	40
2.1.2.4 Kursus Falsafah dan Isu Semasa	42
2.1.3 Pendidikan Politik Berbentuk Program di Malaysia	45
2.1.3.1 Program Latihan Khidmat Negara	45
2.2 Pendidikan Politik di Korea Selatan	49
2.2.1 Pendidikan Politik Tahap Sekolah di Korea Selatan	49
2.2.1.1 Pendidikan Kewarganegaraan Global	49
2.2.2 Pendidikan Politik Berbentuk Program di Korea Selatan	54
2.2.2.1 Perkhidmatan Tentera	54
2.3 Teori-Teori Berkaitan	57
2.3.1 Teori Sosialisasi Politik	58
2.3.2 Teori Pengasingan Kuasa	59
2.4 Rumusan	62

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan	63
3.1 Pemilihan Metodologi Kajian	63
3.2 Kaedah Pengumpulan Data	65
3.3 Rumusan	66





BAB 4: DAPATAN KAJIAN

4.0	Pengenalan	67
4.1	Pendidikan Politik di Malaysia	67
4.1.1	Pendidikan Politik Tahap Sekolah di Malaysia	68
4.1.1.1	Pendidikan Sejarah	68
4.1.1.2	Pendidikan Sivik	76
4.1.1.3	Pengajian Am	89
4.1.2	Pendidikan Politik Tahap Universiti di Malaysia	101
4.1.2.1	Hubungan Etnik	101
4.1.2.2	Kenegaraan Malaysia	107
4.1.2.3	Falsafah dan Isu Semasa	110
4.1.2.4	Pengajian Malaysia	113
4.1.3	Pendidikan Politik Berbentuk Program di Malaysia	117
4.1.3.1	Program Latihan Khidmat Negara	117
4.2	Pendidikan Politik di Korea Selatan	120
4.2.1	Demokrasi di Korea Selatan	120
4.2.1.1	Demografi	121
4.2.1.2	Sosiobudaya	124
4.2.1.3	Ekonomi	126
4.2.1.4	Politik	127
4.2.2	Pendidikan Politik Tahap Sekolah di Korea Selatan	129
4.2.2.1	Pendidikan Kewaarganegaraan Global	129
4.2.3	Pendidikan Politik Tahap Univerditi di Korea Selatan	134
4.2.3.1	Kursus Rasmi Badan Pengurusan Pilihan Raya Asing	134
4.2.4	Pendidikan Politik Berbentuk Program di Korea Selatan	135
4.2.4.1	Perkhidmatan Tentera	135
4.3	Kesesuaian Pendidikan Politik di Korea Selatan diaplikasikan di Malaysia	137
4.3.1	Kandungan Pembelajaran	138
4.3.2	Dasar Kerajaan	139
4.4	Rumusaan	143





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 5: KESIMPULAN

5.0	Pengenalan	144
5.1	Dapatan Utama Hasil Kajian	144
5.2	Sumbangan Kajian	148
5.3	Cadangan Kajian Lapangan	148
5.4	Rumusan	149
	RUJUKAN	150



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI JADUAL

JADUAL	HALAMAN
BAB 1	
Jadual 1.1 Tahap Demokrasi Negara Asia Pada Tahun 2020	19
BAB 4	
Jadual 4.1 Silibus bagi Mata Pelajaran Sejarah Tingkatan Empat yang Berkaitan dengan Pendidikan Politik	70
Jadual 4.2 Silibus bagi Mata Pelajaran Sejarah Tingkatan Lima yang Berkaitan dengan Pendidikan Politik	71
Jadual 4.3 Pemetaan Pendidikan Sivik Sekolah Menengah Rendah dan Atas	77
Jadual 4.4 Perincian Pemetaan Pendidikan Sivik Sekolah Menengah yang Berkaitan dengan Pendidikan Politik	78
Jadual 4.5 Silibus bagi Pengajian Am, Penggal Satu yang Berkaitan dengan Pendidikan Politik	92
Jadual 4.6 Silibus bagi Pengajian Am, Penggal Dua yang Berkaitan dengan Pendidikan Politik	96
Jadual 4.7 Silibus bagi Pengajian Am, Penggal Tiga yang Berkaitan dengan Pendidikan Politik	99
Jadual 4.8 Silibus bagi Kursus Hubungan Etnik	103
Jadual 4.9 Silibus bagi Kursus Kenegaraan Malaysia	108
Jadual 4.10 Silibus bagi Kursus Falsafah dan Ilmu Semasa	111
Jadual 4.11 Silibus bagi Kursus Pengajian Malaysia	114
Jadual 4.12 Jumlah Penduduk Korea Selatan mengikut Agama Masing-Masing	124
Jadual 4.13 Silibus bagi Pendidikan Kewarganegaraan Global dalam Kurikulum Sekolah	132
Jadual 4.14 Modul dan Kandungan Kursus Rasmi Badan Pengurusan Pilihan Raya	135





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI RAJAH

RAJAH

HALAMAN

BAB 1

Rajah 1.1	Kerangka Konseptual bagi Kajian Ini	21
-----------	-------------------------------------	----

BAB 4

Rajah 4.1	Peta Negara Korea Selatan	122
-----------	---------------------------	-----



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI SINGKATAN

1MDB	1 Malaysia Development Berhad
AKSB	Air Kelantan Sendirian Berhad
AS	Amerika Syarikat
ATM	Angkatan Tentera Malaysia
BBM	Bahan Bantu Mengajar
BERSATU	Parti Pribumi Bersatu Malaysia
BN	Barisan Nasional
BR1M	Bantuan Rakyat 1 Malaysia
CSO	Pertubuhan Masyarakat Sivil
DAP	<i>Democratic Action Party</i>
DPN	Dasar Pertahanan Negara
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
DUN	Dewan Undangan Negeri
EIU	<i>Economist Intelligence Unit</i>
EMB	Kursus Rasmi Badan Pengurusan Pilihan Raya Asing
FIS	Falsafah dan Isu Semasa
FPG	Falsafah Pendidikan Guru
FPTP	<i>First Past The Post</i>
GCE	Pendidikan Kewarganegaraan Global
GST	<i>Goods and Services Tax</i>
HANRUH	Pertahanan Menyeluruh
IPG	Institusi Pendidikan Guru
IPT	Institusi Pengajian Tinggi
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KOCEI	Institusi Pendidikan Sivik Korea
KPP	Kertas Putih Pertahanan
KPS	Kemahiran Pemikiran Sejarah
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
KTMB	Keretapi Tanah Melayu Berhad





KWAU	<i>Korea Women's Association United</i>
LRT	<i>Light Rail Transit</i>
MIIT	<i>Malaysian Institute of Information Technology</i>
MKD	Menteri Kewangan Diperbadankan
OECD	Organisasi Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi
PAS	Parti Islam Se Malaysia
PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa
PBM	Pembelajaran Berasaskan Masalah
PH	Pakatan Harapan
PKR	Parti Keadilan Rakyat
PLKN	Program Latihan Khidmat Negara
PPIB	Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa
PRN	Pilihan Raya Negeri
PRU	Pilihan Raya Umum
PSK	Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan
RMA	<i>Revolution Military Affairs</i>
RUU	Rang Undang-Undang
SPAD	Suruhanjaya Pengangutan Awam Darat
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPR	Suruhanjaya Pilihan Raya
SPV	Syarikat Tujuan Khas
STPM	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
SYABAS	Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd
UEC	<i>Unified Examination Certificate</i>
UJSB	Urusharta Jamaah Sdn Bhd
UMNO	<i>United Malays National Organisation</i>
UMS	Universiti Malaysia Sabah
UNIKL	Universiti Kuala Lumpur
UPM	Universiti Putra Malaysia
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
USAMGIK	<i>United States Army Military</i>
USIM	Universiti Sains Islam Malaysia





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

USSR

United Socialist Soviet Republic



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Bab satu ini akan menerangkan secara keseluruhan berkenaan dengan kajian yang akan dilaksanakan serta menghuraikan beberapa topik yang penting. Bab ini meliputi tentang

perkembangan demokrasi di Malaysia, penyertaan politik di Malaysia dan isu-isu politik di Malaysia. Selain itu, bab ini akan membincangkan tentang permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kerangka konseptual, kepentingan kajian, dan batasan kajian. Pada akhir bab pula akan membincangkan mengenai definisi istilah yang digunakan dalam kajian ini, organisasi bab dan juga rumusan bagi keseluruhan bab 1.

1.1 Perkembangan Demokrasi di Malaysia

Sejak berabad-abad lamanya sistem pemerintahan beraja telah wujud dalam sistem sosial di negeri-negeri Melayu (Nazri, 2014). Menurut sistem beraja ini, raja mempunyai kuasa mutlak dalam setiap pemerintahan dan pentadbiran negeri dengan dibantu oleh pembesar-pembesar yang dilantik khususnya sebelum penjajahan British. Sebelum Perang Dunia Kedua, walaupun berada dalam penjajahan British, sultan-





sultan merupakan pemerintah yang berdaulat dan memiliki kuasa penuh di dalam negeri masing-masing (Nazri, 2014). Namun, perjanjian-perjanjian yang telah dibuat dengan British telah menyebabkan sultan perlu untuk menerima nasihat daripada pegawai British yang dilantik sebagai Residen atau Penasihat British kecuali yang menyentuh tentang agama Islam (Abdul Monir, 1996). Keadaan demikian berlanjutan sehingga apabila diperkenalkan Malayan Union pada tahun 1946 di mana Sultan hanya berkuasa dalam adat istiadat Melayu dan agama Islam sahaja dan kuasa pentadbiran negeri dipegang oleh Gabenor. Akibat dari penentangan oleh orang Melayu, Perlembagaan Malayan Union dibubarkan dan digantikan dengan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948. Menerusi perlembagaan baru ini, hak-hak sultan telah dikembalikan semula kepada mereka. Mereka diberi hak untuk mengambil tahu hal-hal berkenaan dengan pembuatan undang-undang (Nazri, 2014).



diperkuuhkan lagi menerusi konsep Raja Berperlembagaan. Menurut Mohd Salleh (1985), institusi beraja adalah sebahagian daripada unsur-unsur tradisi dalam perlembagaan dan merupakan sebahagian daripada kontrak sosial dalam kalangan rakyat Malaysia. Unsur-unsur tradisi ini merangkumi agama Islam, kedudukan istimewa orang Melayu, bahasa Melayu dan institusi beraja. Faridah (2007) menganggap unsur tradisi ini sering kali menjadi polemik dalam masyarakat Malaysia yang bersifat pelbagai etnik dan mengalami pasang surut dalam situasi tertentu seperti pilihanraya. Perbahasan dalam kalangan rakyat terhadap institusi beraja seperti campur tangan dalam politik, bidang kuasa menurut perlembagaan, konsep raja berperlembagaan dan ketua agama Islam telah menimbulkan suasana yang kurang selesa dalam kalangan rakyat (Ibrahim, 2003).





Malaysia telah memilih sistem demokrasi berparlimen dan masih meneruskan sistem beraja meskipun Tanah Melayu telah mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 dan pada 16 September 1963, pembentukan Malaysia yang lebih luas, unik dan pelbagai telah dibentuk (Mohd Azmir & Afi Roshezry, 2020). Amalan sistem Demokrasi Berparlimen di Malaysia ini adalah di bawah pentadbiran Raja Berperlembagaan dengan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara. Perlembagaan Persekutuan telah digubal dengan mengadakan syarat-syarat sedemikian untuk membolehkan pelaksanaan sistem ini. Salah satu kriteria sistem Demokrasi Berparlimen adalah pembahagian kuasa kepada tiga bahagian di dalam pemerintahan iaitu perundangan, kehakiman dan eksekutif (Parlimen Malaysia, 2014). Pemerintahan dibantu oleh Perdana Menteri. Parlimen ialah institusi perundangan tertinggi dalam negara yang menggubal undang-undang. Parlimen Malaysia terdiri daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Dewan Negara dan Dewan Rakyat (Abdul Rahman, 2014). Berikutan pilihan raya umum yang pertama selepas negara mencapai kemerdekaan, Mesyuarat Penggal Pertama Parlimen Pertama Persekutuan Tanah Melayu diadakan pada 11 September 1959 di Dewan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur. Pada tarikh tersebut, Dewan Negara dan Dewan Rakyat buat julung-julung kalinya bersidang serentak di Dewan Tunku Abdul Rahman. Aturan urusan mesyuarat yang pertama ialah pemilihan Yang Di-Pertua bagi kedua-dua Dewan tersebut. Ini diikuti oleh majlis mengangkat sumpah oleh kesemua 38 Ahli Dewan Negara dan 104 Ahli Dewan Rakyat (Parlimen Malaysia, 2013).

Sebagai sebuah kerajaan yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen, Malaysia telah berjaya mengharungi 14 Pilihan Raya Umum (PRU) bermula pada tahun 1955. Barisan Nasional (BN) telah memenangi 13 kali PRU sebelum tertewas pada PRU ke-14 pada Mei 2018 yang lalu kepada Pakatan (Mohd Azmir & Afi Roshezry,





2020). Pilihan raya di Malaysia boleh dianggap sebagai kemuncak demokrasi. Pilihan raya juga kelihatan sebagai medan perang bagi kesemua parti yang bertanding kerana ia merupakan medium utama di mana setiap rakyat yang berdaftar sebagai pengundi berhak memilih tampuk kepimpinan negara sama ada di peringkat persekutuan ataupun di peringkat negeri. Pilihan raya menjadi antara ukuran demokrasi di Malaysia serta menjadi medan pertembungan idea, perancangan dan manifesto parti politik dalam mendapatkan sokongan rakyat, seterusnya menjadi kerajaan semasa (Mohd Azmir & Afi Roshezry, 2020).

Malaysia mengamalkan sistem pilihan raya majoriti mudah atau '*First Past the Post*' berasaskan '*Single Member Constituencies Plurality System*' di mana pemenang dipilih berdasarkan jumlah undi tertinggi yang dimiliki bagi setiap calon-calon yang bertanding. Sistem ini telah digunakan sejak PRU yang pertama pada tahun 1955 sehingga kepada PRU ke-14 pada tahun 2018 yang lalu (Mohd Azmir & Afi Roshezry, 2020). Walaupun ia bukanlah sebuah sistem pemilihan yang komprehensif, namun dalam konteks Malaysia, ia memberi kesan yang baik terhadap pembentukan perpaduan masyarakat yang pelbagai. Sistem ini banyak digunakan dalam kalangan negara-negara Komanwel. Sebagai sebuah negara yang mengamalkan demokrasi perwakilan, pilihan raya di Malaysia ditetapkan maksimum 5 tahun sekali bagi memilih wakil rakyat samada di peringkat Parlimen atau persekutuan (Dewan Rakyat) ataupun di peringkat Negeri, iaitu Dewan Undangan Negeri. Bagi yang menang dan terpilih sama ada di Parlimen (Dewan Rakyat) ataupun Dewan Undangan Negeri, mereka akan memikul tanggungjawab yang besar setelah diberikan mandat oleh rakyat secara sah (Mohd Azmir & Afi Roshezry, 2020).

Selain pilihan raya, perlembagaan juga memainkan peranan yang sangat penting dalam ukuran demokrasi (Mohd Azmir & Afi Roshezry, 2020). Perlembagaan adalah





sumber undang-undang tertinggi bagi sesebuah negara yang berdaulat. Justeru itu adalah menjadi tanggungjawab setiap individu bagi mematuhi keluhurannya. Kewujudan perlombagaan adalah sebagai panduan mengatur dan menyelaras pemerintahan sesebuah negara. Bahkan, perlombagaan juga berperanan sebagai satu panduan bagi pembentukan undang-undang sama ada di pihak kerajaan, rakyat serta sesiapa sahaja. Di Malaysia, tidak ada satu institusi yang boleh mengatasi ketertinggian Perlombagaan Persekutuan (Nazri, 2017). Perlombagaan Persekutuan yang wujud merupakan hasil interaksi sosial yang mencipta sejarah antara proses migrasi dan globalisasi. Perlombagaan Persekutuan dipengaruhi oleh perjuangan nasionalisme Melayu dan bumiputera dengan penglibatan kaum-kaum lain yang turut berunding sesama mereka termasuk Raja-raja Melayu dan British. Perlombagaan Malaya dan Malaysia memperuntukkan kedudukan anak watan dalam kalangan Melayu dan bumiputera, Orang Asli dan juga kaum-kaum lain. Ini bermakna perlombagaan bersifat mengurus etnonasionalisme dan menjadi ikatan dalam masyarakat majmuk di Malaysia. Sorotan sejarah kerjasama antara kaum yang wujud di Malaysia boleh dilihat dalam pelbagai bentuk hubungan yang telah terbina. Antaranya ialah berkaitan dengan Perlombagaan Persekutuan, Perkara 153 Perlombagaan Persekutuan Malaysia iaitu berkaitan dengan hak keistimewaan orang Melayu dan bumiputera, taraf kewarganegaraan dan parti Perikatan (Ayu Nor Azilah et al., 2019).

1.2 Penyertaan Politik di Malaysia

Malaysia mengamalkan *system simple plurality* atau dikenali sebagai *First Past The Post* (FPTP). Penggunaanya berdasarkan kepada pandangan Suruhanjaya Reid yang berpendapat bahawa FPTP lebih sesuai dengan latar belakang pola kerakyatan





Persekutuan Tanah Melayu pada ketika itu. Prinsip utama yang perlu jelas dalam perlaksanaan sistem FPTP ialah setiap kawasan pilihan raya diwakili oleh seorang pemenang (Ahmad Kamal et al., 2021). Proses politik di Malaysia boleh digambarkan sebagai mengambil bentuk ‘perkongsian kuasa’ (*Konsosialisme*) yang mana kepentingan bersama boleh diselesaikan dalam satu rangka kerja campuran yang besar (Funston, 2001). Syed Ahmad (1999) menyatakan bahawa penyertaan politik ialah kegiatan ahli masyarakat yang bertujuan untuk mempengaruhi kerajaan dalam proses membuat keputusan. Kegiatan masyarakat merujuk kepada apa-apa aktiviti yang dijalankan oleh semua lapisan masyarakat berkaitan dengan hal-hal politik. Aktiviti-aktiviti ini boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu aktiviti aktif dan aktiviti pasif. Aktiviti politik yang aktif ialah aktiviti mengundi, menulis surat kepada pihak kerajaan dan berkempen semasa tempoh pilihan raya, manakala aktiviti pasif ialah sekadar mengikuti perkembangan isu-isu politik dan mempunyai kesedaran tentang tindakan dan keputusan kerajaan. Tindakan mendaftar sebagai ahli parti politik serta mengundi dalam pilihan raya juga dikelaskan sebagai aktiviti aktif dan tindakan menyuarakan pendapat dalam isu-isu politik tanah air pula ialah tindakan pasif (Nadrawina, 2008).

Berbalik kepada definisi penyertaan politik oleh Syed Ahmad berkaitan frasa:

“...bertujuan untuk mempengaruhi kerajaan dalam proses membuat keputusan”.

Frasa ini merujuk kepada apa-apa keadaan yang berupaya mempengaruhi kerajaan sebelum memutuskan sesuatu perkara. Contohnya, pilihan raya adalah salah satu keadaan yang boleh menyebabkan pihak kerajaan mengambil keputusan untuk membuat atau tidak membuat sesuatu perkara sama ada penggubalan undang-undang baharu atau pelaksanaan dasar-dasar kerajaan (Syed Ahmad, 1999).





Penyertaan politik juga boleh ditakrifkan sebagai sejauh mana rakyat menggunakan hak mereka untuk mempengaruhi atau melibatkan diri dalam aktiviti politik (Marshelayanti et al., 2016; Munroe, 2002). Ia tidak terhad hanya untuk mengundi, sebaliknya ia adalah penglibatan dalam politik secara keseluruhan. Penglibatan politik terbahagi kepada dua bentuk iaitu konvensional dan bukan konvensional. Penglibatan konvensional merupakan aktiviti-aktiviti yang dianggap ‘normal’ iaitu tingkah laku yang kebiasaannya dilakukan dan diamalkan dalam sesebuah masyarakat. Ia juga merujuk kepada tingkah laku yang diterima oleh masyarakat tersebut. Selain itu, penglibatan konvensional juga dianggap sebagai tingkah laku rutin yang menggunakan institusi yang ditubuhkan oleh wakil kerajaan dan mengambil tempat di dalam norma-norma dan tradisi negara tertentu (Janda et al., 2011; Munroe, 2002). Manakala, penglibatan bukan konvensional pula merupakan aktiviti-aktiviti dianggap tidak wajar atau dilihat sebagai tidak mematuhi peraturan. Ia merupakan tingkah laku yang tidak biasa diamalkan, mencabar atau menentang institusi yang ditubuhkan (Marshelayanti et al., 2016; Janda et al., 2011) dan cenderung untuk bergerak di luar norma, lebih agresif, dan mungkin boleh melanggar undang-undang (Marshelayanti et al., 2016; Munroe, 2002). Mengundi, berkempen, dan keahlian dalam parti politik menggambarkan penglibatan politik secara konvensional. Manakala, demonstrasi, revolusi, dan keganasan politik dianggap sebagai penglibatan politik bukan konvensional. Walau bagaimanapun, kedua-dua jenis penglibatan ini mungkin berbeza mengikut negara kerana ia bergantung kepada cara hidup sesebuah masyarakat itu (Marshelayanti et al., 2016).

Anjakan paradigma sebahagian besar rakyat Malaysia terhadap senario politik di negara ini memperlihatkan penyertaan politik mereka bukan satu kegiatan bermusim. Golongan ini menyerap budaya politik partisipan iaitu golongan yang tinggi kesedaran





politiknya. Hal ini boleh diandaikan berlaku kerana pertambahan bilangan rakyat yang memperoleh pendidikan tinggi sama ada di dalam atau di luar negara serta pendedahan berterusan berkenaan aktiviti politik antarabangsa. Oleh kerana itu, pada PRU ke-13 yang telah berlalu pada 5 Mei 2013, pelbagai isu telah dikemukakan pembangkang dan mendapat perhatian penuh rakyat seperti cukai barang dan perkhidmatan *goods and services tax* (GST), kenaikan tambang pengangkutan awam, penggunaan kalimah Allah, penguatkuasaan undang-undang hudud, dan lain-lain lagi (Siva, 2014). Manakala, pada PRU ke-14 pula, antara isu-isu berbangkit ialah isu perkauman serta agama, isu berkaitan pendidikan dan isu bekalan air domestik. Isu-isu ini akan dibahaskan secara lebih terperinci pada topik selanjutnya.

1.3 Isu-isu Politik di Malaysia



Malaysia sememangnya tidak boleh lari dari isu-isu politik. Mengimbas kembali semasa PRU ke-13, Terdapat 17 aspek yang ditekankan dalam manifesto BN (Saifuddin, 2017). Antara manifesto BN pada PRU ke-13 ialah menangani kos sara hidup. Hampir dua tahun selepas pilihan raya, kerajaan Umno BN melaksanakan cukai barang dan perkhidmatan (GST) yang dikatakan memperoleh wang 30 juta dari rakyat Malaysia dengan anggaran RM30 bilion setahun. Kerajaan juga telah memberikan BR1M (Bantuan Rakyat 1Malaysia) sebanyak RM7 bilion hanya kepada 8 juta rakyat Malaysia. Namun, rakyat terus rugi dengan tanggungan inflasi yang lebih tinggi daripada kadar biasa (Saifuddin, 2017). Hal ini menimbulkan isu berbangkit mengenai kos sara hidup daripada rakyat. Tinjauan yang dilakukan oleh Merdeka Center (pusat kajian bebas di Malaysia) pada akhir tahun 2017 menunjukkan isu kos sara hidup, pekerjaan dan perkara berkaitan ekonomi yang lain menjadi keprihatinan





utama dalam kalangan 72 peratus peserta tinjauan. Kajian itu juga menunjukkan bahawa antara satu dengan dua daripada 10 rakyat Malaysia mengikat perut bagi menampung kos perbelanjaan harian. Tinjauan itu melibatkan 1,203 rakyat Malaysia daripada pelbagai latar belakang yang layak mengundi (Norman, 2018). Pengamat politik daripada Universiti Malaya, Profesor Awang Azman Awang Pawi, berkata secara am, GST dianggap membebankan rakyat terutama oleh golongan kelas pertengahan kerana ia dikenakan sama rata tanpa mengambil kira pendapatan. Tambah beliau lagi, tidak semua dalam kumpulan ini layak menerima habuan wang tunai Bantuan BR1M (Norman, 2018).

Isu seterusnya ialah isu kenaikan tambang pengangkutan awam. Pada pertengahan Mac 2015, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) telah mengumumkan kenaikan 49% tambang teksi bagi Lembah Klang, Johor Bahru dan Pulau Pinang, iaitu di antara 25 sen sehingga 75 sen per kilometer. Seterusnya SPAD membenarkan kenaikan tambang bas ekspress sebanyak RM4.60 sehingga RM11.00 mulai 1 Mei 2015 (Buletin Online, 2015). Pada 2 Disember 2015 pula, tambang Komuter KTMB naik sebanyak 4 sen dari 11 sen bagi setiap kilometer, kepada 15 sen bagi setiap kilometer. Manakala, tambang bagi LRT turut naik sebanyak 102% dengan kadar bayaran 70 sen dan 30 sen bagi 4km pertama. Tambang Monorel pula naik sebanyak 40% bermula pada kadar 70 sen dan RM0.58 bagi 4km pertama dan RM0.37 bagi 5km seterusnya (Buletin Online, 2015). Secara puratanya, kenaikan ini meningkatkan kos pengangkutan rakyat secara keseluruhannya sebanyak 60% berbanding tahun sebelumnya. Pengangkutan awam kini menjadi pilihan yang agak mahal dan membebankan rakyat. Rakyat kini dipaksa untuk menanggung beban ini tanpa alternatif kerana kos minyak juga meningkat ekoran pemansuhan subsidi dengan





kadar tol juga sudah dinaikkan, begitu juga dengan kadar parking bagi mereka yang tinggal di Lembah Klang khususnya (Buletin Online, 2015).

Selain itu, isu penggunaan kalimah Allah turut mendapat perhatian rakyat apabila timbulnya isu penggunaan kalimah Allah dalam Bible versi Bahasa Melayu. Mufti Kelantan Datuk Mohamad Shukri Mohamad menggesa masyarakat tidak kira apa jua fahaman politik supaya segera menghentikan perbuatan mempolemikkan isu penggunaan kalimah Allah oleh bukan Islam bagi menjaga kesucian agama Islam (Mstar, 3013). Katanya, isu itu tidak wajar dimainkan mana-mana pihak secara berterusan memandangkan Islam sudah menetapkan bahawa kalimah Allah tidak boleh digunakan orang bukan Islam. Katanya lagi, sekiranya kalimah Allah dibenarkan guna dalam Bible versi bahasa Melayu, konteks pemahaman orang Kristian 'Allah' ada anak, sedangkan dalam Islam, Allah itu 'Tunggal' dan 'Esa'. Jadi 'keesaan' Allah tidak ada dalam konteks kefahaman orang Kristian. Islam juga melarang penggunaan kalimah Allah oleh orang bukan Islam berdasarkan kaedah 'saatuzariah' iaitu pencegahan daripada terus berlaku benda yang diharamkan Islam (Mstar, 2013).

Kemudian, isu pelaksanaan hukum hudud di Kelantan menjadi polemik yang hangat dalam media massa arus perdana suatu ketika dahulu. Isu ini timbul selepas Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom menyatakan di Parlimen kesediaan Kerajaan Pusat yang ditunjangi oleh Umno untuk membantu PAS melaksanakan undang-undang tersebut di Kelantan (Malaysia Kini, 2014). Enakmen Kanun Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) telah diluluskan di DUN Kelantan pada tahun 1993 dan di DUN Terengganu pada tahun 2002. Namun, enakmen ini tidak dapat dilaksanakan kerana undang-undang yang melibatkan jenayah adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan dan hanya boleh diluluskan melalui Parlimen. Jadi, itulah sebabnya dikatakan bahawa pelaksanaan hudud adalah tidak selari dengan





Perlembagaan Persekutuan. Dalam isu ini juga, DAP tidak akan bersetuju dengan pelaksanaan undang-undang tersebut kerana ia tidak praktikal dan tidak sesuai dalam keadaan masyarakat majmuk di Malaysia (Malaysia Kini, 2014).

Isu-isu politik semasa PRU ke-13 telah menyebabkan sokongan kepada BN merosot. Bukti, umum mengetahui bahawa selepas Malaysia mencapai kemerdekaan, buat pertama kalinya tumpuk pemerintahan Malaysia bertukar kuasa. Barisan Nasional (BN) telah tewas kepada Pakatan Harapan (PH) dalam PRU ke-14. Sokongan rakyat kepada PH adalah bersandarkan bahawa parti tersebut mampu membawa perubahan baru kepada tadbir urus negara. Walau bagaimanapun, setelah 22 bulan pemerintahan PH, keadaan politik negara masih lagi hangat dan terus meresahkan apabila kestabilan ekonomi negara terus mendapat perhatian dan kritikan yang berterusan daripada rakyat (Ilyas, 2021). Kegagalan PH menunaikan sebahagian besar janji dalam manifesto terus mengundang kritikan terhadap PH. Krisis dalam PH sampai ke kemuncak apabila beberapa pemimpin kanan PKR dan BERSATU telah bertindak meninggalkan pakatan tersebut seterusnya bersama UMNO, PAS dan beberapa gabungan parti lain di Sarawak membentuk satu gabungan kerajaan yang baru tanpa melalui pilihan raya. Harapan rakyat untuk melihat pembaharuan politik dan pentadbiran negara di zaman PH pudar apabila timbul pelbagai isu. Kemelut politik dalam PH menyumbang kepada tumbangnya kerajaan ‘Malaysia Baharu’ selain isu ketegangan kaum dan juga polemik berkaitan jawatan Perdana Menteri (Ilyas, 2021).

Ketegangan dan isu kaum banyak mewarnai pentadbiran PH. Isu tersebut gagal ditangani dengan baik menyebabkan wujudnya jurang ketegangan antara kaum seperti isu rusuhan di sebuah kuil di Seafield Subang Jaya sehingga mengakibatkan kematian seorang anggota bomba (Ilyas, 2021). Isu berkaitan kes Tabung Haji yang begitu dekat dengan umat Islam di negara ini juga menjadi antara tumpuan sepanjang setahun





pentadbiran PH (Sinar Harian, 2019). Tabung Haji telah dikecam teruk serta didakwa dikuasai oleh orang bukan Islam semasa PH menjadi kerajaan. Isunya bermula apabila ada pihak yang menyebarkan gambar kunjungan hormat dan sesi penerangan Mujahid mengenai gagasan Rahmatan lil Alamin ke atas Lim di pejabatnya. Gambar itu kemudian didakwa kononnya menjadi bukti Lim mempengaruhi mesyuarat berkaitan Tabung Haji. Muhyiddin berkata selaras dengan perlaksanaan Pelan Pemulihan dan Penstrukturkan Tabung Haji, aset-aset yang kurang berdaya saing dipindahkan kepada sebuah syarikat tujuan khas (SPV) iaitu Urusharta Jamaah Sdn Bhd (UJSB) yang dimiliki penuh oleh kerajaan di bawah Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD). Katanya lagi, hal ini menunjukkan Tabung Haji tidak dikuasai oleh orang bukan Islam (Malaysia Kini, 2020). Tindakan beberapa ahli politik daripada DAP yang mengeluarkan kenyataan berbaur perkauman dengan mendakwa serangan ke atas kuil didalangi oleh kumpulan Islam telah mencetuskan suasana yang kurang harmoni. Selain itu, tindakan Peguam Negara yang melepaskan beberapa suspek berkait dengan kematian anggota bomba turut memarakkan lagi ketegangan kaum (Mohammad Tawfik, 2020).

Selain isu kaum, isu berkaitan pendidikan turut hangat diperdebatkan seperti penerimaan *Unified Examination Certificate* (UEC) dan juga pengenalan seni khat dan tulisan Jawi dalam mata pelajaran Bahasa Melayu tahun empat (Mohammad Tawfik, 2020). Ramai yang ‘melatah’ kerana keliru perbezaan antara tulisan Jawi dan khat. Hakikatnya, kurikulum baru itu dilihat mampu memberikan impak positif dalam melahirkan modal insan yang seimbang untuk pembangunan negara. Dari segi pelaksanaannya, tulisan khat untuk murid tahun empat adalah pada 2020, tahun lima (2021) dan tahun enam (2022). Ini bermakna murid yang sama mempelajari serta meneruskan kurikulum itu (Nor Asyikin, 2019). Dr. Samsur Rijal Yahaya iaitu





Pensyarah Kanan Fakulti Bahasa dan Linguistik Universiti Malaya berkata, beliau tidak menafikan bantahan ini memang ada sedikit sebanyak dipengaruhi sentimen perkauman dan permainan politik (Nor Asyikin, 2019). Tambah beliau lagi, rakyat Malaysia mahu menikmati sistem pendidikan dengan baik tanpa masalah, mereka perlu melihat peluang yang disediakan kerajaan sejak dahulu hingga kini. Beliau juga berpendapat bahawa tulisan khat perlu dirakyatkan (diterima) supaya lebih ramai kaum lain di negara ini boleh menerima tulisan khat (Nor Asyikin, 2019).

Seterusnya, berkaitan isu bekalan air domestik pula dilihat mengganggu kehidupan penduduk di negeri Pahang, Selangor, Kedah dan Kelantan sejak sekian lama. Malah isu dan masalah bekalan air dilihat turut menjadi penentu kepada kemenangan dan kekalahan sesebuah parti politik di Malaysia (Mohd Firdaus & Arba'iyah, 2019). Isu dan masalah bekalan air di seluruh Malaysia dilihat menjadi antara isu nasional terpenting pada PRU ke-14 dan rakyat Malaysia di beberapa negeri tertentu dilihat mengalami masalah bekalan air yang serius serta tidak berkesudahan. Isu dan masalah kekurangan bekalan air di Kedah misalnya, berlaku disebabkan kelemahan pengurusan kerajaan negeri dalam menguruskan pentadbiran bekalan air di negeri Kedah sejak sekian lama. Kerajaan Kedah terdahulu dilihat gagal menyediakan pelan rancangan bekalan air pada masa hadapan yang dapat menyelesaikan permasalahan bekalan air pada masa kini. Isu dan masalah kekurangan bekalan air di Kelantan juga dilihat agak serius ekoran kegagalan Air Kelantan Sendirian Berhad (AKSB) memberikan perkhidmatan bekalan air yang baik kepada penduduk di negeri berkenaan. Negeri Kelantan dilihat mencatat gangguan bekalan air yang serius pada tahun 2016 apabila 2000 orang penduduk di Kampung Tualang, Bendang Pak Yong, Simpangan dan Kubang Sawa terpaksa membeli bekalan air dari lokasi lain ekoran





kediaman mereka mengalami masalah bekalan air yang sangat serius (Mohd Firdaus & Arba'iyah, 2019).

Masalah bekalan air di Pahang turut dilihat agak serius apabila beberapa kampung di Kuantan dilaporkan mengalami gangguan bekalan air sejak beberapa tahun lalu. Situasi tersebut dilihat bertambah sukar apabila penduduk terlibat terpaksa membayar bil air sebanyak RM70 hingga RM80 sebulan, berbanding kadar semasa beberapa tahun lalu, di bawah RM20. Ini kerana penduduk menyatakan pancur air di kediaman mereka hanya mengeluarkan angin bukannya air dan jumlah bil air yang meningkat dilihat tidak munasabah serta tidak masuk akal (Mohd Firdaus & Arba'iyah, 2019). Isu dan masalah bekalan air di Selangor dilihat sangat popular dan mendapat tempat di dada-dada akhbar nasional di Malaysia. Ini kerana Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd (SYABAS) tidak hanya menyalurkan bekalan air di Selangor semata-mata, malah turut menyalurkan bekalan air di Kuala Lumpur. Setiap hari rakyat Malaysia disajikan dengan pelbagai laporan berita mengenai isu dan masalah bekalan air di Selangor dan Kuala Lumpur. Malah, Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak sendiri menyatakan dengan jelas bahawa masalah air di Selangor adalah lebih teruk berbanding isu 1MDB (Koh, 2018).

1.4 Pernyataan Masalah

Malaysia merupakan sebuah negara demokrasi yang cuba menjadi sebuah negara yang lebih baik dengan meminda Rang Undang-Undang Perlembagaan 2019 untuk melayakkan umur mengundi dan kelayakan menjadi wakil rakyat di Malaysia diturunkan daripada umur 21 tahun kepada 18 tahun (Malaysia Kini, 2022). Buktinya, pada 16 Julai 2019, Dewan Rakyat dan Dewan Negara telah meluluskan Rang Undang-





Undang (RUU) dengan majoriti lebih dua pertiga bersetuju untuk menurunkan umur mengundi (Malaysia Kini, 2022). Kemudian, pada 2 Disember 2021, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) mengumumkan kelayakan mengundi kepada 18 tahun dan pendaftaran pemilih automatik diwartakan pada 1 Disember 2021 dan berkuatkuasa pada 15 Disember 2021 (Maisarah, 2021). Pada 12 Mac 2022, Pilihan Raya Negeri (PRN) Johor menjadi medan bagi 173, 177 golongan muda yang berusia 18 hingga 20 tahun melaksanakan tanggungjawab masing-masing mengundi bagi memilih wakil rakyat pilihan mereka (Harian Metro, 2022).

Namun, hasil PRN Johor yang membenarkan pengundi berusia 18 tahun ini mengundi gagal memberi kesan ketara terhadap hasil pengundian di Johor. Hal ini kerana, 45 peratus pengundi di Johor tidak keluar mengundi (Berita Harian, 2022). Perkara ini terjadi mungkin disebabkan oleh segelintir golongan belia yang berusia 18 hingga 20 tahun ini tidak tahu bahawa mereka sudah layak untuk mengundi dan tidak

tahu di mana lokasi pengundian masing-masing (Harian Metro, 2022). Oleh itu, pelaksanaan Undi18 perlu disertakan dengan pendidikan bagi menggalakkan lebih ramai golongan muda turun mengundi apabila pilihan raya diadakan. Pendidikan mengenai proses pilihan raya dan kepentingan mengundi harus diajar lebih awal di sekolah supaya belia negara mempunyai asas yang baik dalam politik serta tadbir urus (Sinar Harian, 2022). Mengundi adalah hak individu. Namun, bukan hanya proses memilih untuk melengkapkan syarat, sebaliknya, golongan muda ini perlu bijak dan peka soal latar belakang calon serta haluan politik negara demi masa depan yang lebih baik.

Keterlibatan belia dalam politik negara mampu membuka ruang dalam menggerakkan suara rakyat sejajar dengan kemahuan negara yang menginginkan ramai belia proaktif memberikan pandangan yang membina sebagai salah satu usaha





membangunkan negara. Hal ini demikian kerana, belia dilihat sebagai kumpulan dalam masyarakat yang terpenting sehingga ia dapat mencerminkan masa hadapan sesebuah masyarakat (Sharif, 2009). Oleh itu, pendidikan demokrasi dan politik menjadi suatu keperluan dan wajar diterapkan kepada belia dalam meningkatkan kesedaran tentang kepentingan sistem politik negara bagi menjamin kelangsungan pemerintahan dan sistem demokrasi yang diamalkan. Sehubungan itu, langkah proaktif dalam mewujudkan pendidikan demokrasi dan politik di Malaysia perlu diambil. Pendekatan ini penting dalam mewujudkan politik matang dan celik politik kepada rakyat.

Pendidikan demokrasi dan politik bukanlah semata-mata bertujuan untuk mengetahui dan memahami sejarah parti politik, tetapi turut bertujuan untuk membina kemahiran berfikir secara kritikal serta mengembangkan idealisme (Malaysia Dateline, 2019). Pendidikan politik juga bertujuan untuk mendidik rakyat dengan semangat demokrasi, mempelajari berkaitan hak sebagai warganegara, membantu dalam membuat pilihan, meraikan kemajmukan pandangan, menghargai perbezaan, dan menghormati keluhuran perlembagaan (Malaysia Dateline, 2019). Kenyataan-kenyataan ini bersesuaian seperti yang diperkatakan oleh Quraishi & Rahman (2009), iaitu pendidikan politik adalah sebuah proses aliran maklumat yang berterusan dengan cara menggalakkan analisis isu secara kritikal mengenai sistem politik dan konsep politik. Ini membuktikan bahawa pendidikan demokrasi dan politik sememangnya penting lebih-lebih lagi apabila kelayakan mengundi kini telah diturunkan kepada umur 18 tahun. Justeru, pendekatan proaktif dalam mewujudkan pendidikan demokrasi dan politik di Malaysia adalah wajar demi memajukan Malaysia ke arah pengamalan demokrasi yang lebih matang.

Umum mengetahui bahawa Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen dan raja berpelembagaan. Begitu juga





dengan negara Korea Selatan yang merupakan sebuah negara demokrasi berperlembagaan. Bezanya, Korea Selatan telah menerapkan pendidikan politik menerusi pendidikan tahap sekolah, pendidikan tahap universiti dan pendidikan berbentuk program. Malaysia juga seharusnya perlu mengambil pendekatan berstrategi dalam mewujudkan pendidikan demokrasi dan politik secara rasmi di peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi. Menurut Bernard Crick (1972), politik diertikan sebagai ‘rupa pemerintahan’ di mana adanya kerjasama melalui prosedur yang telah ditetapkan agar dapat menyelesaikan perbezaan, mendamaikan antara kepentingan yang pelbagai serta melaksanakan dasar-dasar awam demi tujuan yang sama. Ini bermakna bahawa politik merupakan proses dan cara membuat keputusan untuk sesuatu kumpulan demi kepentingan bersama.

Di Korea Selatan, pendidikan sangat berperanan penting dalam membentuk masyarakat yang demokratik. Sekolah menjadi tempat utama dalam membentuk kesetiaan dan legitimasi kepada negara sambil mempromosikan nilai-nilai demokrasi liberal (Seth, 2012). Pendidikan ditujukan untuk meningkatkan literasi politik pemuda dan meningkatkan sikap demokratik (Weinberg & Flinders, 2018). Melalui pendidikan demokrasi dan politik, warga yang taat setia kepada sesebuah negara itu dapat dibentuk. Hampir setiap negara membentuk masyarakat yang demokratik melalui pendidikan dengan cara yang berbeza-beza. Perbezaan ini dilatarbelakangi oleh perkembangan sejarah, ekonomi, identiti negara dan budaya setiap negara. Perkembangan sejarah Korea Selatan bermula dari penubuhan kerajaan, kemudian menjadi Republik Perang Internal iaitu konflik pecahnya wilayah. Korea Selatan merupakan *highly of development* dan negara industri. Dari segi identiti negara pula, Korea Selatan mengamalkan budaya Confusianisme dan Taoisme. Bentuk pemerintahan Korea Selatan ialah republik dan juga demokrasi. Manakala, dari segi budayanya pula, warga





Korea Selatan menganggap langit merupakan dasar bagi tertib moral dan landasan hidup yang meresap ke dalam relung-relung kesedaran umat manusia (Diaz Putri Amelia & Dinie Anggraeni Dewi, 2021).

Nilai-nilai demokrasi yang diterapkan melalui pendidikan dalam kalangan warga Korea Selatan ini menjadi antara penyumbang utama bagi Korea Selatan mendapatkan status ‘demokrasi penuh’ pada indeks demokrasi global 2020 oleh *Economist Intelligence Unit* (EIU). Indeks demokrasi adalah sebuah indeks yang disusun oleh *Economist Intelligence Unit* (EIU), dengan tujuan untuk mengukur keadaan demokrasi di 167 negara. EIU mendapati Korea Selatan berada di peringkat ke-23 seperti yang ditunjukkan dalam jadual 1 di bawah. Indeks demokrasi EIU didasarkan pada lima kategori, iaitu proses pilihanraya dan pluralisme, fungsi kerajaan, penyertaan politik, budaya politik, dan kebebasan sivil. Indeks ini memberikan gambaran mengenai keadaan demokrasi saat ini di seluruh dunia untuk 165 negara merdeka dan dua lagi wilayah (KBS World, 2021). Berdasarkan indeks demokrasi global 2020 oleh EIU ini, jelaslah menampakkan perkembangan Korea Selatan dalam memberikan asas demokrasi kepada warganegaranya. Oleh itu, kajian ini dilihat untuk memberi satu perbandingan yang mungkin boleh dijadikan pengalaman yang sesuai untuk Malaysia mengaplikasikan pendidikan politik sebagai mata pelajaran rasmi.





Jadual 1: Tahap demokrasi negara Asia pada tahun 2020.

Negara	Skor Keseluruhan	Kedudukan Global	Proses Pilihanraya dan Pluralisme	Fungsi Kerajaan	Penyertaan Politik	Budaya Politik	Kebebasan Sivil
New Zealand	9.25	4	10.0	8.93	8.89	8.75	9.71
Australia	8.96	9=	10.00	8.57	7.78	8.75	9.71
Taiwan	8.94	11	10.00	9.64	7.22	8.13	9.71
Jepun	8.13	21	8.75	8.57	6.67	8.13	8.53
Korea Selatan	8.01	23	9.17	8.21	7.22	7.50	7.94
Malaysia	7.19	39	9.58	7.86	6.67	6.25	5.59
Timor-Leste	7.06	44	9.58	5.93	5.56	6.88	7.35
India	6.61	53	8.67	7.14	6.67	5.00	5.59
Filipina	6.56	55=	9.17	5.00	7.78	4.38	6.47
Mongolia	6.48	61	8.75	5.71	5.56	5.63	6.76
Indonesia	6.39	64=	7.92	7.50	6.11	4.38	5.59
Sri Lanka	6.14	68	7.00	5.71	5.56	6.25	6.18
Papua New Guinea	6.10	70	6.92	6.07	3.33	6.25	7.94
Thailand	6.04	73	7.00	8.93	8.89	8.75	9.71
Singapura	6.03	74	7.00	5.00	6.67	6.25	5.29
Bangladesh	5.99	76	7.42	6.07	6.11	5.63	4.71
Fiji	5.72	83	6.58	5.00	6.11	5.63	5.29
Bhutan	5.71	84	8.75	6.79	3.33	5.00	4.71
Hong Kong	5.57	87	3.17	3.64	5.00	7.50	8.53
Nepal	5.22	92	4.83	5.36	5.00	5.63	5.29
Pakistan	4.31	105	5.67	5.36	3.33	2.50	4.71
Kemboja	3.10	130=	0.00	3.93	3.89	5.63	5.29
Myanmar	3.04	135	1.75	3.93	2.78	4.83	2.35
Vietnam	2.94	137	0.00	2.86	3.89	5.63	2.35
Afghanistan	2.85	139	3.42	0.64	3.89	2.50	3.82
China	2.27	151	0.00	4.29	2.78	3.13	1.18
Laos	1.77	161	0.00	2.86	1.67	3.75	0.59
Korea Utara	1.08	167	0.00	2.50	1.67	1.25	0.00

Sumber: *Democracy Index 2020, The Economist Intelligence Unit.*





1.5 Persoalan Kajian

- i. Apakah pendidikan politik yang ada di Malaysia?
- ii. Bagaimanakah pendidikan politik di Korea Selatan?
- iii. Apakah sesuai pendidikan politik di Korea Selatan diaplikasikan di Malaysia?

1.6 Objektif Kajian

- i. Mengenal pasti pendidikan politik yang ada di Malaysia.
- ii. Mengkaji pendidikan politik di Korea Selatan.
- iii. Menganalisis kesesuaian pendidikan politik di Korea Selatan diaplikasikan di Malaysia.




Kerangka konseptual kajian penting bagi sesuatu kajian kerana ia memberi gambaran yang menyeluruh mengenai kajian. Kerangka konseptual kajian menyediakan arah aliran kerja dan hala tuju yang jelas kepada penyelidik tentang apa yang perlu dilaksanakan (Suffian & Jamal, 2021). Pertalian antara teori, model dan pemboleh ubah ditunjukkan dalam kerangka konseptual kajian. Pertalian dan hubungan ini membolehkan penyelidik memberi fokus kepada masalah yang ingin dikaji (Suffian & Jamal, 2021).

Penyelidikan ini bertujuan untuk melihat keperluan pendidikan politik untuk diterapkan dalam pendidikan persekolahan Malaysia dengan melihat kesesuaian pendidikan Politik di Korea Selatan untuk diaplikasikan di Malaysia. Hal ini kerana, sistem pendidikan di Malaysia tidak mempunyai silibus khas dalam memberikan pendidikan politik kepada pelajar. Namun, pendidikan politik telah diintegrasikan



menerusi pendidikan tahap sekolah, pendidikan tahap universiti dan menerusi program.

Oleh itu, tinjauan literatur telah dilakukan bagi memahami kajian-kajian yang telah dijalankan yang berkaitan dengan topik penyelidikan ini iaitu pendidikan politik yang ada di Malaysia dan pendidikan politik di Korea Selatan. Pengkaji telah membina kerangka konseptual kajian yang bertepatan dengan objektif kajian. Dalam rajah 1 di bawah, kerangka kajian ini telah dibentuk untuk memudahkan kefahaman pengkaji dalam menjalankan kajian ini.



Rajah1: Kerangka konseptual bagi kajian ini.

1.8 Kepentingan Kajian

Pengkaji melaksanakan kajian ini bagi mengetahui perbandingan pendidikan politik yang ada di Malaysia dengan Korea Selatan serta menganalisis kesesuaian pendidikan politik di Korea Selatan untuk diaplikasikan di Malaysia. Hasil kajian ini diharap dapat menjadi suatu pengetahuan berguna kepada pengkaji serta kepada pihak-pihak



berkepentingan yang terlibat dalam menyedari akan kepentingan pendidikan politik di Malaysia. Hasil kajian ini juga diharap dapat dimanfaatkan oleh pihak kerajaan supaya mengkaji semula sistem pendidikan di Malaysia dan seterusnya merangka langkah susulan bagi menambahbaik silibus yang sedia ada terutamanya berkaitan dengan pendidikan politik di Malaysia.

Di samping itu, kajian ini boleh dijadikan sebagai rujukan kepada mana-mana pihak yang berminat untuk menjalankan penyelidikan yang berkaitan dengan pendidikan politik. Kajian seumpama ini akan memberikan gambaran yang jelas mengenai perbandingan pendidikan politik yang ada di Malaysia dengan Korea Selatan. Oleh itu, kajian ini mampu membuka mata pelbagai pihak dalam melihat kepada keperluan pelaksanaan pendidikan politik secara rasmi di Malaysia bagi membantu golongan pengundi baharu memahami maksud demokrasi dan politik secara meluas sebagai salah satu usaha dalam persediaan untuk mengundi dan juga mewujudkan kesedaran politik matang.

1.9 Batasan Kajian

Kajian ini akan memfokuskan kepada keperluan perlaksanaan pendidikan politik secara rasmi di Malaysia dengan mengenal pasti pendidikan politik yang sedia ada di Malaysia, mengkaji pendidikan politik di Korea Selatan serta menganalisis kesesuaianya untuk diaplikasikan di Malaysia. Kajian ini memilih Korea Selatan sebagai satu model untuk dibandingkan dengan Malaysia kerana Korea Selatan telah mendapatkan status ‘demokrasi penuh’ pada indeks demokrasi global 2020 oleh *Economist Intelligence Unit (EIU)*.





1.10 Definisi Istilah

Terdapat pelbagai konsep yang dibincangkan di dalam kajian ini antaranya ialah demokrasi, politik, belia dan warganegara. Menurut Marican (2005), definisi istilah menghubungkan konsep kepada sesuatu yang boleh diperhatikan dan dinyatakan dalam bentuk yang boleh diukur dan dimanipulasikan.

1.10.1 Demokrasi

Menurut Joseph (1942), demokrasi merupakan rancangan institusi untuk mencapai keputusan politik dimana individu mendapat kuasa untuk memutuskan cara perjuangan secara kompetitif bagi mendapatkan undi rakyat. Philippe & Terry (1991), berpendapat bahawa demokrasi sebagai suatu sistem pemerintahan dimana pemerintah diminta bertanggungjawab atas tindakan-tindakan mereka di wilayah publik oleh warganegara, yang bertindak secara tidak langsung melalui kompetisi dan kerjasama dengan para wakil mereka yang terpilih. Manakala, Henry B. Mayo pula menyatakan bahawa demokrasi sebagai sistem politik yang merupakan suatu sistem yang menunjukkan bahawa dasar-dasar awam ditentukan atas dasar majoriti oleh wakil-wakil yang diawasi secara efektif oleh rakyat dalam pemilihan-pemilihan berkala yang didasarkan atas prinsip kesamaan politik dan diselenggarakan dalam suasana terjaminnya kebebasan politik (Budiardjo, 2008).

1.10.2 Politik

Menurut Syed Ahmad (1994), perkataan politik berasal daripada istilah Yunani iaitu ‘Polis’ yang bermaksud negara bandar. Harold (1950), yang merupakan seorang sarjana sains politik pula mendefinisikan politik sebagai pengagihan nilai dalam masyarakat oleh pihak yang berkuasa. Manakala, Aristotle memberi ulasan bahawa politik tercipta





dalam perjuangan untuk mendapat kehidupan yang sempurna. Ia dilakukan dalam bentuk kumpulan atau pertubuhan. Politik juga adalah satu kajian yang melibatkan pengaruh seseorang dan masyarakat. Tanpa pengaruh dan sokongan, suasana politik tidak mungkin timbul (The Encyclopedia American, 1993).

1.10.3 Belia

Di Malaysia, belia boleh didefinisikan sebagai individu yang berumur 15 hingga 30 tahun (Majlis Belia Malaysia, 2020).

1.10.4 Warganegara

Menurut Aristoteles, warganegara merujuk kepada orang yang secara aktif ikut mengambil bahagian dalam kegiatan hidup bernegara, iaitu orang yang berperanan sebagai orang yang diperintah dan orang yang berperanan sebagai yang memerintah (Koten, 2010). Turner (1990) pula menjelaskan bahawa warganegara ialah anggota dari sekelompok manusia yang hidup atau tinggal di wilayah yang mempunyai undang-undang tertentu.

1.11 Organisasi Bab

Organisasi bab merupakan pembahagian bab dalam penulisan kajian yang disusun mengikut urutan bagi menjamin kualiti penulisan kajian serta memudahkan pembaca untuk memahami kandungan penulisan. Penulisan kajian ini disusun dan dibahagikan kepada lima bab mengikut urutan proses kajian.

Bab satu dalam kajian ini membincangkan mengenai keseluruhan kajian yang ingin dilaksanakan merangkumi pengenalan kajian, latar belakang kajian, pernyataan





masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop/batasan kajian, definisi istilah/operasional, dan organisasi bab.

Bab dua pula merupakan bahagian yang menerangkan mengenai kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan pendidikan politik di Malaysia dan di Korea Selatan. Teori-teori yang diguna pakai dijadikan panduan bagi menyokong hasil dapatan kajian. Kajian-kajian ini juga dikupas berdasarkan hasil daripada pembacaan maklumat yang terdapat di dalam bahan bacaan yang diterbitkan seperti jurnal yang terdiri daripada dalam dan luar negara yang bersesuaian dengan tajuk kajian yang dijalankan oleh penyelidik. Bahagian ini juga dikenali sebagai sorotan kajian. Rumusan juga dibuat pada penghujung bahagian ini.

Bab tiga pula merupakan bahagian yang menerangkan berkenaan metodologi kajian. Metodologi merupakan aspek yang perlu diberi perhatian bagi mendapatkan hasil kajian yang boleh dipercayai. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan pendekatan kualitatif iaitu kaedah analisis dokumen.

Bab empat akan menghuraikan tentang objektif-objektif yang telah digariskan iaitu mengenal pasti pendidikan demokrasi dan politik yang ada di Malaysia, mengkaji pendidikan demokrasi dan politik di Korea Selatan dan menganalisis kesesuaian pendidikan demokrasi dan politik di Korea Selatan diaplikasikan di Malaysia. Analisis dan hasil kajian daripada data-data yang dikumpul dari kajian akan dinyatakan dalam bab ini.

Bab lima pula merupakan bab yang terakhir yang akan membincangkan dan merumuskan hasil dapatan kajian yang telah dibincangkan dalam bab sebelum ini. Bahagian ini akan mengolah kembali keseluruhan kajian.





1.12 Rumusan

Secara keseluruhannya, bab ini telah menerangkan beberapa maklumat penting mengenai kajian iaitu perkembangan demokrasi di Malaysia, penyertaan politik di Malaysia, isu-isu politik di Malaysia, tujuan penyelidikan, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kerangka konseptual, kepentingan kajian, batasan kajian, definisi istilah, organisasi bab dan rumusan kajian.

